



11 JAN, 2025

Prestasi juara bertahan belum meyakinkan meskipun menang

Kosmo, Malaysia



Prestasi juara bertahan belum meyakinkan meskipun menang

Oleh AIZATIE NAJMIN SULAIMAN

JUARA bertahan, Tenaga Nasional Berhad (TNB) berjaya meraih kemenangan pertama Liga Hoki Malaysia (MHL) 2025 selepas berpesta gol melanyak TNB Thunderbolts di Stadium Hoki Nasional, Bukit Jalil kelmarin.

Begitupun, ketua jurulatih TNB, Nor Saiful Zaini Nasiruddin mengakui prestasi pasukannya masih tidak pada tahap memuaskan kerana banyak aspek perlu diperbaiki sebelum menghadapi perlawanan seterusnya.

"Kami menang 7-3 tapi saya tidak lihat ini sebagai kemenangan yang selesa. Dari suku pertama hingga akhir, kami tidak bermain dengan baik.

"Ada masa kami didahului oleh lawan. Pasukan masih belum menemui rentak permainan



sebenar," katanya.

Saiful turut menekankan kepentingan memperbaiki aspek fizikal dan meningkatkan ketangkasan dalam membuat keputusan di atas padang, sulaan aksi anak buahnya yang dilihat kurang meyakinkan serta mudah ditembusi lawan.

"Kemenangan ini tak jamin apa-apa jika rentak permainan kami tidak diperbaiki. Kami perlukan permainan fizikal yang lebih tangkas dan keputusan yang cepat," tambahnya.

Tujuh gol TNB diperolehi menerusi empat jaringan Azrai

Aizad Abu Kamal dan masing-masing satu daripada Amirul Hamizan Azahar, Jang Jonghyun serta Nursyahmi Zulkifli.

Kapten TNB, Syed Mohamad Syafiq Syed Cholan mengakui pasukan bermula perlahan akibat beberapa perubahan taktikal dan susunan pemain.

"Barisan kejurulatihan beri peluang kepada semua pemain, tapi tak menjadi pada separuh masa pertama. Alhamdulillah, kami bangkit di separuh masa kedua dan dapat rentak sebenar pada suku keempat," jelasnya.

Dalam masa sama, Syafiq berkata, fokus pasukan kini memburu tiga mata dalam setiap perlawanan dalam misi mempertahankan kejuaraan edisi lalu.

"Kami tak boleh bermula seperti hari ini. Itu satu petanda buruk perlu dielakkan," katanya.



BINTANG TNB, Shello Silverius (depan) melarikan bola daripada dirampas pemain lawan pada aksi MHL kelmarin. - IHSAN HOKITA